

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 JUN 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 2

### Ketidaktentuan AS jatuhkan prestasi ringgit – Rafizi

FOTO:BERNAMA



**Ketidaktentuan AS jatuhkan prestasi ringgit – Rafizi**

**PUTRAJAYA** - Ketidaktentuan ekonomi dan kewangan Amerika Syarikat (AS) sejak enam bulan lalu menjadi faktor dominan yang membawa kepada kejatuhan prestasi nilai ringgit.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, dasar ekonomi dan kewangan telah melalui dari satu krisis kepada krisis baharu sejak awal tahun ini.

"Bank pusat AS sedang mencari jalan dan belum memberi isyarat nyata sama ada untuk meneruskan dasar atau menetapkan kadar faedah sekali gus menimbulkan ketidaktentuan ekonomi global," katanya.

Beliau berkata, setiap kali ketidaktentuan berlaku, pasaran

antarabangsa memilih untuk melindungi risiko mereka.

"Dua instrumen pelaburan selamat adalah emas dan dolar," katanya menerusi sidang media pasca-Mesyuarat Platform Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (Pemudah) Bilangan 3/2023 di sini pada Rabu.

Ujar Rafizi, sehingga kini tiada persetujuan antara Presiden dan Kongres berhubung had siling hutang dan belanjawan AS dicapai.

"Apabila ia tidak dipersempit, terdapat risiko yang mana kerajaan AS tidak boleh membayar hutang mereka dan ia sekali gus akan menyumbang ketidaktentuan kepada nilai ringgit Malaysia," tambahnya.

Menurut beliau, kedudukan prestasi mata wang Malaysia dari Disember 2022 hingga awal Februari tahun ini mengukuh iaitu pada paras RM4.20 untuk AS\$1 adalah sebahagiannya kerana kestabilan politik dan prestasi ekonomi yang baik.

"Tetapi bermula Februari lepas ia mula jatuh disebabkan rentetan daripada krisis-krisis ini yang berada di luar kawalan kita," katanya.

Sementara itu, Rafizi berkata kadar dasar semalam (OPR) Malaysia iaitu 3 peratus adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan negara serantau yang mencecah hampir 5 peratus.

Rafizi bercakap dalam sidang akhbar pasca-Mesyuarat Platform Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan di Putrajaya pada Rabu.